



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

PASUKAN FIRA POLYCC MALAYSIA KE 30TH FIRA ROBOWORLD CUP AND SUMMIT 2025 DI DAEGU, KOREA

KUALA LUMPUR, 6 OGOS 2025 – Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah mengadakan majlis *flag-off* bagi meraikan Pasukan Robotik POLYCC yang akan berlepas ke Daegu, Korea sempena Kejohanan 30th FIRA RoboWorld Cup and Summit 2025 yang akan berlangsung mulai 11 hingga 15 Ogos 2025.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi. Kehadiran YB Timbalan Menteri ke sesi *flag-off* ini mencerminkan sokongan padu pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) terhadap kecemerlangan pelajar khususnya dalam bidang robotik, teknologi autonomi, dan kecerdasan buatan (AI). Turut hadir ialah Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, barisan pengurusan tertinggi dan pegawai JPPKK serta para peserta dan pensyarah pengiring.

Seramai 16 orang pelajar dan lima (5) orang pensyarah pengiring mewakili POLYCC dalam empat (4) kategori pertandingan iaitu *HuroCup*, *Autonomous Car Challenge*, *Air-Drone Autonomous Race*, dan *Air-Drone Emergency Service*. Pasukan FIRA POLYCC diwakili oleh empat (4) institusi iaitu Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Politeknik Port Dickson (PPD) dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS). Penyertaan ini bukan sahaja bakal mengharumkan nama negara di persada antarabangsa, malah memperkukuh agenda pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) dalam Revolusi Industri 4.0.

Seterusnya, satu Sesi *Send-Off* turut bakal diadakan di Balai Pelepasan, KLIA Terminal 1 sebagai tanda penghargaan dan sokongan moral sebelum pasukan berlepas ke luar negara. Penyertaan dalam kejohanan ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan JPPKK dalam memperkasa pembangunan bakat pelajar

politeknik menerusi platform antarabangsa seperti FIRA RoboWorld Cup yang menghimpunkan pasukan terbaik dari seluruh dunia dalam bidang robotik dan inovasi.

Untuk rekod, pasukan **Politeknik Port Dickson (PPD)** telah dinobatkan sebagai ***Best Technical Startup Award*** bagi kategori ***Innovation and Business*** dalam Kejohanan **FIRA RoboWorld Cup 2024** di Maranhao, Sao Luiz, Brazil manakala pasukan **Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)** dan **Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)** pernah mengungguli saingan kategori HuroCup dengan masing-masing memperolehi **1 emas, 1 perak** dan **1 gangsa** dalam **FIRA RoboWorld Cup 2023** yang berlangsung di Wolfenbuttel, Jerman.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
6 OGOS 2025**